

PERKEMBANGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA*

The Development of Information Technology Application in the Shariah Court of Malaysia

Zulzaidi Mahmud

*Ph.D Candidate, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
zulzaidi86@gmail.com*

Ahmad Hidayat Buang (Corresponding Author)

*Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
ahidayat@um.edu.my*

ABSTRACT

The development of a management system which is electronically and technologically orientated is a dynamic and efficient step in the current era of information and communication technology (ICT). This matter is no exception in the Shariah Court management system which is implemented through the e-Syariah system in all Shariah Courts throughout Malaysia. However, the question is what the development of systems are applied in the Shariah Courts. This Research Paper is aimed to view the development of e-Syariah system and the other systems are applied to all Shariah Courts in Malaysia. A study is also conducted on the modules which have been developed in the e-Syariah system to obtain an all-inclusive research information. The research methodology

* Data-data dalam artikel ini diambil daripada Projek Penyelidikan di bawah tajaan *University Malaya Covid-19 Special Research Grant 2020-2021 (UMCSRG)* bertajuk “Perbicaraan Kes di Mahkamah Syariah Melalui Sidang Atas Talian: Kajian di Lembah Klang”.

in this paper is done by qualitative method based on the methods of literature, documentation, interviews and analyzed comprehensively against the findings of the data to view the development e-Syariah System, i-Syariah system and the system used in Shariah Courts as well as applications used during the covid-19 pandemic period. The study has revealed the Shariah Court management system needs to be more aggressive such as the Civil Court Management System to ensure the improvement the quality of delivery of Shariah judicial services. Department of Syariah Judiciary Malaysia (JKSM) and State Shariah Courts (MSN) throughout Malaysia need to face all challenges through digital technology so that the management of Shariah Courts including Syariah judgments, is more efficient and proactive.

Keyword: *e-Government, i-Syariah, e-Syariah, Shariah Court's Case Management System*

PENDAHULUAN

Aplikasi sistem teknologi elektronik dalam pengurusan kehakiman Syariah di Malaysia merupakan langkah transformasi yang telah diambil oleh Mahkamah Syariah melebihi dua dekad. Perkara ini seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi komunikasi maklumat di Malaysia atau lebih dikenali "*information and communication technology*" (ICT). Malaysia merupakan negara yang amat mementingkan ICT terhadap penyampaian perkhidmatan kerajaan. Perkembangan ICT sejak akhir dua dekad menunjukkan bahawa banyak kerajaan di seluruh dunia telah melihat fenomena ini sebagai peluang besar untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam (Razlini Mohd Ramli, 2017: 1). Menyedari kepentingan ICT ini, maka kerajaan Malaysia telah melancarkan *Multimedia Super Corridor* (MSC) iaitu inisiatif untuk merangsang pertumbuhan teknologi maklumat dan komunikasi di Malaysia (Norshita Mat Nayan *et al.*, 2011: 295-304). Memastikan transformasi terhadap perkhidmatan awam, maka pada tahun 1997 pihak kerajaan telah melancarkan e-Kerajaan (Norazah & T. Ramayah, 2010: 395). Program e-kerajaan tersebut telah melibatkan penglibatan institusi kehakiman Syariah di Malaysia melalui sistem e-Syariah yang telah menjadi salah satu daripada projek rintis di awal pelaksanaan e-Kerajaan (Rohana Husin *et al.*, 2017: 12).

Aplikasi e-Syariah telah memberi warna baru kepada Mahkamah Syariah bagi memudahkan urusan pengurusan pentadbiran dan juga memudahkan urusan penghakiman Hakim Syarie sekaligus dapat menaiktaraf mutu

penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Penggunaan sistem ini dipakai oleh semua kakitangan Mahkamah Syariah termasuk Hakim Syarie bagi memastikan proses penghakiman berjalan dengan lancar dan komprehensif. Selain itu, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) telah mengambil inisiatif mewujudkan satu sistem baru yang dikenali sistem i-Syariah (*Syariah Intelligent Management System*) bagi memastikan perkhidmatan kerajaan yang lebih efisien dan efektif (Utusan Borneo Online, 6 Julai 2020). Kedua-dua sistem ini mempunyai matlamat yang sama iaitu memudahkan pengurusan Mahkamah Syariah secara sistematik dengan menggunakan kepesatan teknologi masa kini. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan berkenaan pemakaian sistem e-Syariah, sistem i-Syariah dan inovasi teknologi yang digunakan di Mahkamah Syariah di Malaysia.

IMPLIMENTASI SISTEM E-SYARIAH DALAM PENGURUSAN MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA

Sistem e-Syariah merupakan sebuah aplikasi “*Government to Citizen*” (G2C) bertujuan memperkasa dan meningkatkan kecekapan pentadbiran Mahkamah Syariah di Malaysia (Norlida Ramly et al., 2015: 89). Pemakaian Aplikasi e-Syariah di Malaysia sudah melebihi 19 tahun dari tempoh ianya dilancarkan. Cadangan bagi mewujudkan satu sistem pengurusan kes Mahkamah Syariah berdasarkan sistem elektronik adalah berdasarkan hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Oktober 1999 (Laman JKSNPP, 8 Septemer 2008). Sistem e-Syariah ini merupakan satu rangkaian elektronik bagi sistem pengurusan kes yang menghubungkan Mahkamah-mahkamah Syariah negeri melalui JKSN dan MSN dengan pihak JKSM bagi tujuan penyelarasan dan juga perkongsian maklumat berkaitan institusi kehakiman Syariah di Malaysia (Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 2022: 50). Sistem e-Syariah telah membawa perubahan dan reformasi operasi di Mahkamah Syariah (Nor’Adha Abdul Hamid et al., 2019: 109).

1. Inisiatif e-Kerajaan dalam Pembangunan Sistem e-Syariah di Mahkamah Syariah

Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM 39 juta untuk reformasi Pentadbiran Syariah untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Mahkamah Syariah di Malaysia. (Mornizan Yahya et al., 2012: 350). Projek e-Syariah merupakan di antara tujuh inisiatif e-Kerajaan yang dilancarkan pada 2002 (Haniff Zainal Abidin, 2006: 31). Program e-Kerajaan yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia untuk menyokong peningkatan kualiti perkhidmatan


kakitangan kerajaan, rakyat dan perniagaan (Norshidah Mohamed *et al.*, 2009: 285). Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah diberikan kepercayaan untuk merancang, mengimplimentasi dan memantau inisiatif e-Kerajaan (M.N Norshita *et al.*, 2010: 813). E-Kerajaan ini telah mengaplikasikan teknologi maklumat (IT) kepada perkhidmatan kerajaan (Fahmi Zaidi *et al.*, 2017: 69). Projek ini adalah di bawah MSC pada tahun 1996 (Muhd Rosydi Muhammad, 2013: 93). MSC merupakan sebuah projek mega sebagai strategi ke arah mencapai Wawasan 2020 (Rohana Husin *et al.*, 2017: 11).

Tujuan utamanya adalah bagi mewujudkan rangkaian e-Kerajaan di peringkat Persekutuan di JKSM dengan Mahkamah Syariah negeri-negeri seluruh Malaysia serta agensi yang berkaitan dengan operasi atau perjalanan pentadbiran Mahkamah Syariah (Ramizah & Khairunnasriah, 2019: 36). Usaha membangunkan sistem ini adalah untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran Institusi Kehakiman Syariah seluruh Malaysia secara sistematik selaras dengan kehendak kerajaan Persekutuan bagi mewujudkan pengurusan dan pentadbiran secara e-Kerajaan. Selain itu implimentasi e-Syariah adalah untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan di Mahkamah Syariah (Mornizan Yahya *et al.*, 2012: 350). E-Syariah juga merupakan pemangkin kolaborasi di antara agensi Persekutuan dan agensi negeri untuk menyelaraskan proses kerja, borang, aturan kerja (*work flow*) yang digunakan di Mahkamah Syariah (Norlida Ramly *et al.*, 2015: 90). Pelaksanaan projek e-Syariah ini telah mula dilaksanakan pada Mac 2002 dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad pada 7 Februari 2003 di Hotel Marriot, Putrajaya. Pihak yang terlibat secara langsung terhadap projek pembangunan e-Syariah adalah pihak MAMPU sebagai penyelaras, manakala JKSM sebagai pelaksana dan Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) selaku pihak yang membangunkan sistem e-Syariah ini (Koleksi Ucapan Perdana Menteri, 7 Februari 2003).

2. Pembangunan Modul Aplikasi Sistem e-Syariah

Sistem e-Syariah dibangunkan dengan beberapa aplikasi teras kepada pembangunan sistem ini yang diguna pakai. Sistem e-Syariah melibatkan lima modul yang merangkumi (1) Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS), (2) Sistem Pengurusan Peguam Syarie, (3) Automasi Pejabat, (4) Sistem Pengurusan Perpustakaan dan (5) Portal e-Syariah (Wan Satirah & Abrar Haider, 2012: 6). Selain itu, (6) Sistem jaringan juga dijadikan sebahagian modul pembangunan e-Syariah (Norlida Ramly *et al.*, 2015: 90). Ianya boleh dilihat sebagaimana jadual di bawah:


Jadual 1: Sistem E-Syariah yang dilaksanakan oleh JKSM



Sumber: Norlida Ramly et al. (2015: 90)

Sistem e-Syariah yang dibangunkan merupakan sistem yang menyeluruh dengan mengambil kira aspek-aspek pengurusan kehakiman Syariah di Malaysia yang lebih efektif dan menyeluruh. Aplikasi e-Syariah terus ditambah baik daripada e-Syariah versi 1 kepada e-Syariah versi 2 (Wan Satirah & Abrar Haider, 2012: 6). Secara keseluruhannya, sistem e-Syariah boleh dilihat melalui ilustrasi pembangunan sistem ini:

Rajah 1: Pembangunan Sistem e-Syariah



Sumber: Muhd Rosydi Muhammad (2013: 94)

Rajah di atas jelas menunjukkan bahawa pembangunan sistem e-Syariah mempunyai aspek yang lengkap dalam pengurusan Mahkamah Syariah. Sistem e-Syariah ini merupakan sistem yang terkini pada waktu dilancarkan pada tahun 2003 yang merupakan salah satu daripada tujuh program e-Kerajaan

yang diperkenalkan untuk menyokong peningkatan kualiti perkhidmatan kakitangan kerajaan, rakyat dan perniagaan (Norshidah Mohamed *et al.*, 2009: 285). Pembangunan sistem ini adalah untuk menyokong pengurusan kes Mahkamah Syariah sekaligus untuk memastikan prosiding penghakiman yang dilakukan oleh kakitangan Mahkamah Syariah termasuk Hakim Syarie dilakukan dengan sistematik dan teratur.

3. Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) e-Syariah

Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) merupakan salah satu modul di dalam e-Syariah dan ianya merupakan modul utama yang digunakan oleh Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. SPKMS adalah merangkumi pendaftaran atas talian, proses, bayaran, kes perceraian/tuntutan perkahwinan, jenayah, pusaka dan rayuan. (Norlida Ramly *et al.*, 2015: 90). Selain itu SPKMS juga merangkumi semua kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah seperti harta sepencarian, hak jagaan anak, permohonan poligami, pengesahan lafaz cerai, tuntutan perceraian, tuntutan nafkah, tuntutan mutaah dan sebagainya. Kakitangan Mahkamah Syariah seluruh negara menggunakan sistem ini secara menyeluruh termasuk pengurusan kes Mal, Jenayah, Faraid, penjadualan kes serta statistik dan laporan. Projek Sistem e-Syariah dapat membantu Pegawai Syariah melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan berkesan (UTMK JAKESS, 2012: 11). Sistem ini memudahkan pengurusan kes mahkamah secara lebih efisien, teratur dan sistematik. Proses kerja melalui atas talian “*online*” di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia sentiasa dibuat penambahbaikan bagi mencanggihkan sistem ini agar menjadikan ianya lebih berfungsi dan memudahkan kerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat dengan perkhidmatan Institusi Kehakiman di Malaysia (JKSM, 2005). SPKMS telah dilancarkan (*roll out*) ke Mahkamah Syariah seluruh Malaysia secara berperingkat-peringkat pada penghujung 2004 (JKSM, 2005). SPKMS ini secara dasarnya merupakan aplikasi yang utama amat diperlukan di Mahkamah Syariah. Kakitangan Mahkamah Syariah terutama pendaftar, penolong pendaftar dan Hakim Syarie amat memerlukan penggunaan sistem ini secara komprehensif terutama dalam pendaftaran kes dan proses pengurusan kes.

Penggunaan sistem SPKMS e-Syariah hanya boleh diakses melalui capaian di pejabat Mahkamah Syariah sahaja (Norazlin, 24 Jun 2021). Hal ini bermaksud sekiranya mana-mana kakitangan ingin menggunakan sistem ini di luar kawasan pejabat Mahkamah Syariah, maka ianya tidak dibenarkan dan tidak dapat diakses. Perkara ini bertujuan bagi menjamin keselamatan penggunaan sistem ini. Walau bagaimanapun sejak Pandemik Covid-19

melanda negara, maka penggunaan sistem SPKMS telah dioptimumkan penggunaannya sehingga dibenarkan digunakan di kawasan luar Mahkamah Syariah terutama di rumah bagi tujuan kakitangan yang bekerja daripada rumah (BDR). Penggunaan di luar pejabat Mahkamah Syariah hendaklah mendapat kebenaran daripada Ibu Pejabat JKSM melalui “Borang Permohonan Kebenaran Capaian Rangkaian JKSM dari Luar” (Norazlin, 24 Jun 2021). Oleh yang demikian, penggunaan sistem SPKMS e-Syariah pada masa kini adalah lebih fleksibel dalam kalangan kakitangan Mahkamah Syariah demi menjamin perkhidmatan kehakiman Syariah yang menyeluruh.

4. Portal e-Syariah

Portal e-Syariah yang dibangunkan berfungsi sebagai pintu masuk “*gateway*” untuk orang ramai, agensi Kerajaan dan Mahkamah Syariah untuk mengakses maklumat yang berkaitan dan menggunakan perkhidmatan e-Syariah di mana-mana dan pada bila-bila masa. (Mornizan Yahya *et al.*, 2012: 351). Portal ini membolehkan semua orang mengakses maklumat dan menggunakan sistem dengan mudah (Muhd Rosydi Muhammad, 2009: 6). Perkara ini ditunjukkan oleh Portal e-Syariah yang telah menghubungkan semua Mahkamah Syariah di Malaysia dan bertindak sebagai kaunter sehenti untuk kebanyakan perkara yang berhubung dengan kehakiman Islam (Noore Alam Siddiquee, 2007: 86). Portal e-Syariah telah memperbaiki komunikasi dan mengurangkan jurang di antara Mahkamah Syariah dan orang awam. Melalui Portal e-Syariah orang ramai dapat memahami prosedur mahkamah, peraturan terkini, borang-borang yang perlu diisi serta dapat mengemukakan pertanyaan mengenai status kes (UTMK JAKESS, 2012: 11).

Pandemik Covid-19 menyukarkan proses perbicaraan serta prosiding di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Kes-kes yang telah ditetapkan pada tarikh dalam tempoh ini, akan ditukar pada tarikh lain melalui pengurusan di Mahkamah Syariah. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan mengambil inisiatif menggunakan link pautan (<https://bit.ly/semakankes>) yang menghubungkan dengan portal e-Syariah bagi semakan tarikh kes (JKSNS, 1 Julai 2021). Secara tidak langsung perkara ini menunjukkan bahawa SPKMS yang digunakan di Mahkamah Syariah di negeri-negeri dihubungkan dengan portal e-Syariah. Hal ini adalah bagi memudahkan pelanggan mahkamah menyemak tarikh bicara yang telah ditetapkan.

Portal e-Syariah juga memberi perkhidmatan berkenaan profil JKSM, maklumat Jurnal Hukum, jenis kes, penerbitan maklumat (surat pekeliling, sulh, risalah JKSM), e-Borang, jadual kes mahkamah, ulasan buku, undang-

undang Syariah, arkib, prosedur mahkamah, nas al-Quran, fuqaha dan Hadith, maklumat Peguam dan perkhidmatan agensi kerajaan atas talian. Perkhidmatan Portal e-Syariah adalah seperti pendaftaran kes atas talian, status kes atas talian, pengiraan faraid atas talian, direktori mahkamah dan bahan rujukan (Mornizan Yahya *et al.*, 2012: 351). Implimentasi e-Syariah boleh dikatakan sebagai kemajuan teknikal (*technical success*) yang telah mendapat pengiktirafan di dalam negara seperti tempat pertama bagi *ICT Quality Award* pada tahun 2007 (Ramizah & Khairunnasriah, 2019: 36).

Portal e-Syariah juga dianugerahkan *Best EG Portal 2006* dan *4-star Government Portal*. (Norlida Ramly *et al.*, 2015: 90). Portal e-Syariah ini menunjukkan bahawa ianya mempunyai maklumat yang menyeluruh bagi Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia. Penggunaan portal e-Syariah wajar digunakan secara maksima sebagai pintu akses kepada semua aplikasi sistem yang dibangunkan oleh Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada masa kini. Jenama e-Syariah yang dikenali melebihi 19 tahun ini wajar diberikan perhatian dengan pendekatan baru yang lebih holistik bagi memastikan semua pelanggan Mahkamah Syariah di Malaysia mudah mendapatkan maklumat secara tersusun dan menyeluruh.

5. Modul E-Bicara dalam Pengurusan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia

Modul e-Bicara adalah modul baru yang dibangunkan khusus digunakan untuk membantu Hakim Syarie merekodkan prosiding terus ke dalam sistem dengan lebih teratur. E-Bicara adalah sebahagian daripada aplikasi SPKMS e-Syariah. Sistem ini juga dapat membantu hakim dalam urusan prosiding kes dan penghakiman dapat dijalankan dengan cepat dan teratur. Segala catatan dalam prosiding kes yang dilakukan akan dicatat di dalam e-Bicara dan perkara ini membantu Hakim Syarie melihat setiap kronologi kes secara teratur serta memudahkan urusan nota perbincaraan yang lebih sistematik.

Latihan berkenaan dengan setiap modul di dalam sistem e-Syariah telah diberikan kepada kakitangan yang menggunakan modul ini termasuk modul e-Bicara. Pada tahun 2012 satu latihan telah dilaksanakan di Melaka bagi penggunaan sistem e-Syariah termasuk e-Bicara (Laman Mahkamah Syariah Negeri Melaka, 20 Jun 2012). Latihan e-Bicara secara khusus juga telah diberikan secara menyeluruh kepada semua Hakim Syarie termasuk Hakim Syarie di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) (JKSS, 5 Ogos 2015). Hakim Syarie di Malaysia telah diberikan latihan khusus mengenai pemakaian aplikasi e-Bicara untuk memudahkan urusan perbincaraan dari segi pengambilan

nota keterangan kes sekali gus memudahkan Hakim Syarie untuk membuat alasan penghakiman.

Bagi memastikan Hakim Syarie menggunakan e-Bicara secara optimum maka pihak JKSM telah mengeluarkan satu arahan amalan khusus berkenaan e-Bicara di bawah Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013 berkenaan “Penggunaan Aplikasi e-Bicara oleh Hakim Syarie”. Arahan Amalan tersebut telah mewajibkan Hakim Syarie menggunakan aplikasi e-Bicara bagi untuk menyediakan nota perbicaraan dan juga dapat menyediakan alasan penghakiman mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Penggunaan e-Bicara yang digunakan oleh Hakim Syarie di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia dipantau melalui pemakaian Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013 ini. Perkara ini bagi memastikan Hakim Syarie mematuhi dan mengoptimumkan pemakaian e-Bicara dalam proses perbicaraan. Berdasarkan Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2017 dan Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2018 menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi e-Bicara oleh Hakim Syarie merupakan ketakakuran yang tinggi iaitu sebanyak 22 bilangan setiap tahun. Jawatankuasa Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan (JKPPAA) telah mengenalpasti beberapa faktor yang menyebabkan ketakakuran dan ketidakpatuhan kepada penggunaan e-Bicara ini berlaku. Berdasarkan Kertas Makluman Pelaksanaan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2018 dinyatakan bahawa ketakakuran berlaku adalah disebabkan faktor masalah talian internet dan tulisan tangan lebih cepat berbanding penggunaan e-Bicara (JKSM, 2018).

Faktor-faktor ini menjadi alasan oleh Hakim Syarie untuk tidak menggunakan sistem e-Bicara. Perkembangan penggunaan teknologi dalam pengurusan kes di Mahkamah Syariah terutamanya proses pengurusan melalui e-Bicara dapat membantu Hakim Syarie dalam memudahkan proses mengambil catatan keterangan dan juga penulisan teks alasan penghakiman. Oleh kerana itu, pemantauan secara berkala dan berterusan perlu dilaksanakan terhadap penggunaan e-Bicara. Pemantauan yang berterusan dalam penggunaan e-Bicara ini mampu memberikan impak positif kepada institusi Kehakiman Syariah untuk memastikan Hakim Syarie menggunakan aplikasi ini secara optimum dan komprehensif. Penggunaan e-Bicara ini dilihat amat membantu Hakim Syarie membuat rujukan nota keterangan justeru dapat membuat alasan penghakiman dengan mudah. Penekanan penggunaan aplikasi e-Bicara dalam kalangan Hakim Syarie di Malaysia terhadap ICT adalah perlu untuk memastikan keperluan teknologi dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah.

ANALISIS PERBINCANGAN IMPLIMENTASI SISTEM TEKNOLOGI DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

1. Perkembangan Penggunaan Sistem Teknologi di Mahkamah Syariah

Perkembangan sistem teknologi di Mahkamah Syariah dari sudut pengurusan kes tidak menunjukkan perubahan yang ketara kerana semua Mahkamah Syariah di Malaysia menggunakan sistem e-Syariah sebagai sistem pengurusan kes. Selain daripada sistem e-Bicara sebagai tambahan kepada sub modul SPKMS, terdapat juga sistem e-Nafkah yang telah diwujudkan untuk memperkasa sistem e-Syariah (Ramizah & Khairunnasriah, 2019: 36).

Modul e-Nafkah digunakan oleh kakitangan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM yang di tempatkan di JKSN dan MSN seluruh Malaysia. BSK telah ditubuhkan oleh JKSM untuk mengatasi masalah kegagalan suami atau bapa terhadap pembayaran nafkah (Normi Abdul Malek, 2016: 407). BSK mempunyai tiga unit asas iaitu Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP), Unit Pengurusan Dana (UPD) dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) (Roslina Che Soh@Yusoff *et al.*, 2017: 63). Modul e-Nafkah yang dibangunkan ini telah mengambil kira peranan fungsi unit-unit yang telah diwujudkan. Sistem e-Nafkah yang dibangunkan ini adalah bertindak selaku fail maya yang bertindak secara dwi fungsi dengan mempunyai bank data dan akan memuat naik segala perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah (Portal MyGovernment, 2020).

Terdapat juga beberapa aplikasi yang dibangunkan bagi tujuan memudahkan urusan mahkamah seperti MyReCourt (BH Online, 13 Februari 2019), MySolve (Jabatan Kehakiman Syariah Perak, 2020) dan E-Locator (e-Locator JAKESS, 2020) yang mana aplikasi ini boleh dikategorikan sebagai satu bentuk transformasi aplikasi elektronik di peringkat negeri. Walau bagaimanapun penggunaan aplikasi tersebut adalah tidak menyeluruh di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia sebagaimana penggunaan e-Syariah.

Terdapat juga beberapa projek inovasi yang telah dilakukan di beberapa Mahkamah Syariah Negeri di Malaysia antaranya projek e-Fos (*e-Fast Order Sulh*) (Ramizah & Khairunnasriah, 2019: 36). Pemakaian (*e-Fast Order Sulh*) adalah digunakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (Portal Hub Inovasi Sektor Awam MAMPU, 2021). Penggunaan Modul Sulh dalam sistem e-Syariah tetap digunakan oleh Pegawai Sulh di Mahkamah Syariah kerana ianya aspek penting prosiding kes. Walau bagaimanapun dengan adanya *e-Fast Order Sulh* maka proses pengurusan kes sehingga kepada perintah menjadi lebih mudah, menjimatkan masa dan efisien.

Inovasi e-SIAP (*e-Shariah Instant Access Procedure*) pula dilaksanakan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP, 6 Julai 2021). Penggunaan EZNafkah di Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu (Ramizah & Khairunnasriah, 2019: 37). Melihat kepada projek inovasi ini menunjukkan bahawa ianya bukanlah satu pembangunan sebuah sistem baru tetapi merupakan pelaksanaan penambahbaikan proses kerja untuk mempercepatkan sesuatu pengurusan yang berkaitan.

Pandemik covid-19 telah memberi kesan kepada prosiding kes di Mahkamah Syariah yang terpaksa ditangguhkan bermula 18 Mac 2020. Segala operasi pengurusan Mahkamah Syariah termasuk pengurusan kes dan prosiding perbicaraan tidak dapat dijalankan secara fizikal. Mahkamah Syariah adalah tertakluk dengan semua perintah yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia. Kerajaan telah mengambil langkah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti kemudiannya dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan PKPD) bergantung pada zon dan jumlah positif kes di lokasi berkenaan (Mohd. Kamel Mat Salleh *et al.*, 2021: 271). Maka segala pengurusan Mahkamah Syariah adalah berdasarkan status zon di kawasan tersebut bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kesihatan rakyat Malaysia dijaga. Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia dalam mendepani Pandemik Covid-19 ini, telah melakukan beberapa perubahan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah di Malaysia terus efisien. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah menggunakan sistem *e-date* melalui <http://bit.ly/edatesystem> yang mana pelanggan mahkamah perlu membuat temujanji terlebih dahulu (Portal JKSNNS, 29 Julai 2021). Manakala Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang menggunakan sistem *picktime* melalui pautan <https://www.picktime.com/JKSNPP> bagi tujuan temujanji dengan pihak Mahkamah Syariah di Pulau Pinang (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, 6 Julai 2021).

Melihat perkembangan pengurusan Mahkamah Syariah melalui pembangunan sistem di peringkat JKSN dan MSN menunjukkan bahawa perlu ada keselarasan penggunaan sistem tersebut secara menyeluruh. Perkembangan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan kehakiman Sivil menunjukkan perkembangan yang wajar diikuti oleh Mahkamah Syariah di Malaysia. Pengurusan Mahkamah Sivil telah melaksanakan penggunaan sistem mahkamah elektronik secara khusus antaranya Sistem *e-Filing* (EFS), *Case Management System* (CMS), *Queue Management System* (QMS), *Court Recording and Transcribing* (CRT) (Wan Satirah & Abrar Haider, 2012: 1). Selain itu terdapat juga pemakaian sistem *Artificial Intelligence* (AI) yang digunakan di Mahkamah Sivil (Claire Lim & Rachel Gong, 2020:

3). *Community and Advocate Portal System (CAP)* dan *Video Conferencing System (VCS)* juga telah diaplikasikan di Mahkamah Sivil (Kamal Halili & Maizatul Farisah, 2011: 243). Aplikasi sistem ini telah menunjukkan kesan yang positif, bahkan telah banyak peningkatan dalam implimentasi e-Court terhadap penyampaian kehakiman yang telah dibuktikan (Nurul Aiqa *et al.*, 2018: 204). Penggunaan sistem-sistem yang digunakan di Mahkamah Sivil wajar diaplikasikan di Mahkamah Syariah dalam bentuk penggunaan yang selari dengan undang-undang mengikut negeri.

2. Implimentasi Sistem i-Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak

Mahkamah Syariah di Sarawak telah membangunkan satu sistem baru yang dikenali sebagai i-Syariah (*Syariah Intelligent Management System*). Sistem ini khusus digunakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) bagi setiap pengurusan kes di Mahkamah Syariah seluruh Sarawak. Sistem i-Syariah telah dilancarkan oleh Menteri Muda Hal Ehwal Islam dan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) Datuk Dr. Abdul Rahman Junaidi (New Sarawak Tribune, 6 Julai 2020). Pemakaian i-Syariah di Sarawak telah bermula 6 Julai 2020 bagi memastikan perkhidmatan kerajaan yang lebih efisien dan efektif (Utusan Borneo Online, 6 Julai 2020). Pemakaian sistem i-Syariah ini telah menggantikan penggunaan sistem e-Syariah yang telah digunakan sebelum ini sama sebagaimana digunakan oleh Mahkamah Syariah yang lain di seluruh Malaysia.

Sistem i-Syariah ini dibangunkan oleh Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS) yang merupakan cabang ICT kerajaan negeri yang melaksanakan operasi ICT di Sarawak (Syahrul Nizam & Nadianatra, 2007: 47). SAINS juga merupakan syarikat yang telah membangunkan e-Syariah pada peringkat awal bagi kegunaan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. SAINS telah dilantik membangunkan sistem i-Syariah ini kerana mempunyai pengalaman terhadap pembangunan sistem teknologi di Sarawak dan sistem pengurusan mahkamah di Sabah dan Sarawak (Portal *The High Court of Sabah And Sarawak*, 2 Disember 2020). Melalui teknologi maklumat dan komunikasi, pelbagai aktiviti ekonomi, interaksi profesional dan transaksi komersial berlaku, sehingga menjana ekonomi digital (Claudius Mitchell & Fitri Suraya, 2020: 1). Kerajaan Sarawak berdedikasi menggunakan ICT dan internet untuk memajukan prosesnya dan menyampaikan perkhidmatan berkualiti (Syahrul Nizam & Nadianatra, 2007: 50). Perkara ini ditunjukkan melalui pembangunan i-Syariah di Mahkamah Syariah di Sarawak bagi

memudahkan urusan kakitangan Mahkamah Syariah dan memudahkan pengurusan perkhidmatan kehakiman Syariah di Sarawak.

Penggunaan sistem i-Syariah di Sarawak mempunyai beberapa justifikasi antaranya adalah untuk penyediaan data statistik yang komprehensif kepada kerajaan negeri, memudahkan perkhidmatan JKSS di seluruh Sarawak dan merealisasikan fungsi JKSS terhadap Pelan Transformasi JKSS 2020-2030, inisiatif *Balanced Scorecard* (BSC) JKSS serta pematuhan terhadap pensijilan MS ISO 9001: 2015 dan MS 1900: 2015 (JKSS, 14 Mac 2019). JKSS juga telah merangka Kod pendaftaran kes yang baharu untuk digunakan dalam sistem i-Syariah ini bagi menggantikan kod sistem yang digunakan dalam sistem e-Syariah sebagaimana di dalam Arahan Amalan JKSM No. 1 Tahun 2000. Kod pendaftaran kes dalam sistem i-Syariah dibangunkan melalui Bengkel *Key Focus Activity* (KFA) Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Tahun 2020 (Portal JKSS, 1 Julai 2021).

Modul-modul yang dibangunkan melalui sistem i-Syariah mempunyai beberapa persamaan sebagaimana digunakan di Mahkamah Sivil seperti *Que Management System* (QMS), *Court Recording and Transcription* (CRT), *System Video Conferencing System* (VCS) dan *e-filing* (JKSS, 29 April 2019). Sistem *e-Filing* merupakan sistem elektronik bagi tujuan pemfailan kes secara atas talian (Kamal Halili & Maizatul Farisah, 2011: 242). Firma guaman tidak perlu mengemukakan fizikal dokumen secara manual ke mahkamah dan sistem ini membolehkan peguam yang berada di mana-mana tempat menghantar dokumen atau saman melalui atas talian (Gan Chee Keong, 2017: 401).

Penyelidikan mendapati JKSS mendepani pemodenan teknologi seiring dengan perkembangan teknologi ICT masa kini. Beberapa modul yang dibangunkan ini wajar diberi perhatian oleh JKSN dan MSN di seluruh Malaysia serta peranan JKSM agar satu kerangka modul baru yang efisien dan komprehensif digunakan dalam pengurusan Mahkamah Syariah. Gabungan sistem dan inovasi daripada JKSN dan MSN wajar dikumpulkan, dikemaskini dan ditambah baik bagi kegunaan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia agar perkhidmatan kehakiman Syariah dapat dilakukan dengan efektif, sistematik dan teratur.

3. Aplikasi Perbicaraan Dalam Talian dalam Tempoh Pandemik Covid-19 di Mahkamah Syariah

Perjalanan Prosiding kes terutama perbicaraan secara fizikal menjadi isu utama di Mahkamah Syariah bermula seawal Pandemik Covid-19. Walau

bagaimanapun mengakui keperluan perbicaraan kes di Mahkamah Syariah, maka alternatif yang diambil oleh kebanyakan JKSN dan MSN adalah prosiding dalam talian (PDT). JKSM telah membuat kenyataan Media pada 23 Jun 2021 berkenaan dengan Prosiding Mahkamah Melalui Komunikasi Jarak Jauh (JKSM: 23 Jun 2021). JKSN dan MSN telah melaksanakan PDT berdasarkan punca kuasa melalui fatwa, Arahan Ketua Hakim Syarie, garis panduan dan ketetapan kaedah-kaedah (JKSM: 23 Jun 2021).

Aplikasi teknologi yang pelbagai digunakan bagi PDT ini berdasarkan ketetapan JKSN dan MSN. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) pada tahun 2020 telah menggunakan aplikasi *Skype For Business* (SFB) bagi perbicaraan pada Mei 2020 (Laman JKSNS: 13 Mei 2020) dan Jun 2020 (Laman JKSNS: 1 Jun 2020). Walau bagaimanapun pada 17 Jun 2021, JKSNS telah melakukan prosiding perbicaraan pertama PKP 3.0 (JKSNS: 17 Jun 2021) melalui aplikasi secara dalam talian (Maya/ Aplikasi Cisco webex). Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) melalui kes Mahkamah Rayuan Syariah di Selangor telah menjalankan prosiding PDT melalui aplikasi *Google Meet* (Nor Azihan Md. Ghazali: 2021). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah melalui Garis Panduan Perbicaraan Kes Mahkamah Syariah Negeri Sabah menetapkan Prosiding Atas Talian boleh dibuat melalui aplikasi IceWarp4.MyGovuc (JKSNS Sabah: 28 Januari 2021).

Pihak JKSM telah mengambil langkah yang wajar dengan mewujudkan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2021 berkenaan “Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Mal di Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh”. Arahan Amalan tersebut diwujudkan dalam tempoh pandemik covid-19 bagi memastikan prosiding kes Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dapat diteruskan melalui teknologi komunikasi jarak jauh (TKJJ). Perbicaraan secara TKJJ ini adalah merangkumi kes yang dimulakan dengan saman atau permohonan atau bagi kes di peringkat rayuan. Walau bagaimanapun, perbicaraan melalui TKJJ adalah berdasarkan permohonan pihak-pihak dan berada di lokasi yang ditetapkan sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah. Manakala Hakim Syarie yang mengendalikan kes hendaklah mengendalikan prosiding di suatu tempat rasmi menurut bidang kuasa mahkamah. Proses penghakiman juga boleh dilaksanakan melalui TKJJ dan hendaklah memakai seksyen 130 dan 135 Akta/Enakmen Tatacara Mal yang berkuatkuasa di negeri-negeri. Walaupun TKJJ ini masih baru dilaksanakan di Mahkamah Syariah di Malaysia, terdapat beberapa Mahkamah Syariah negeri-negeri yang komited melaksanakan TKJJ ini sebagaimana diterangkan di atas. Pelaksanaan TKJJ menjelaskan bahawa Mahkamah Syariah komited dan efisien dalam perkhidmatan kehakiman Syariah yang komprehensif.

Perkara ini juga menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah peka dan optimis melaksanakan TKJJ bagi melancarkan prosiding kes di mahkamah melalui mekanisme yang bersesuaian. Hal ini perlu diberi perhatian oleh JKSM/JKSN dan MSN berkenaan TKJJ dalam prosiding di Mahkamah Syariah yang mana perlu ada satu keselarasan aplikasi yang wajar dan sesuai digunakan untuk TKJJ. Melihat kepada penggunaan Webex Cisco yang digunakan oleh pihak JKSM sejak 2020 dalam mengendalikan mesyuarat dan latihan kepada kakitangan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, maka wajar diperluaskan pemakaiannya sebagaimana yang telah digunakan di JKSN bagi PDT di Negeri Sembilan. Kajian lanjut terhadap TKJJ yang diaplikasi di Mahkamah Syariah wajar dilaksanakan untuk melihat dan menilai tahap keberkesanan TKJJ ini sama ada kewajaran dalam tempoh Pandemik Covid-19 atau boleh dilaksanakan secara berterusan di Mahkamah Syariah. Kegunaan teknologi maklumat dalam prosiding kes di Mahkamah Syariah merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam setiap penyelidikan berkenaan prosiding di Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, PDT yang dikenali sebagai TKJJ perlu diberi perhatian khususnya oleh Hakim Syarie agar perjalanan pengurusan kes dapat dilaksanakan dengan lancar, telus, berkualiti dan efisien.

KESIMPULAN

Pembangunan sesebuah sistem pengurusan yang berorientasikan teknologi elektronik merupakan satu langkah dinamik dan efisien di era perkembangan ICT pada masa kini. Perkara ini tidak terkecuali kepada sistem pengurusan Mahkamah Syariah yang diimplimentasikan melalui sistem e-Syariah di seluruh Mahkamah Syariah. Pelaburan besar yang dibuat oleh pihak kerajaan Persekutuan terhadap pembangunan sistem pengurusan Mahkamah Syariah melalui sistem e-Syariah telah menampakkan hasil kepada kecekapan dalam pengurusan Mahkamah Syariah. Pengalaman Institusi Kehakiman Sivil dalam pembangunan e-Court perlu diambil perhatian oleh pihak Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia agar perkembangan penggunaan sistem elektronik di Mahkamah Syariah adalah selari dengan perkembangan teknologi masa kini dalam bidang kehakiman Syariah. Penyelidikan mencadangkan satu kajian lanjut dilakukan berkenaan dengan aplikasi sistem e-Court untuk keperluan Mahkamah Syariah terutama dari sudut pengurusan kes dan juga proses penghakiman yang diaplikasikan melalui *Artificial Intelligence* (AI) di Mahkamah Sivil Sabah dan Sarawak. Penyelidikan berkenaan dengan TKJJ juga wajar dilaksanakan secara menyeluruh untuk melihat keberkesanan TKJJ di Mahkamah Syariah sebagaimana pelaksanaan di Mahkamah Sivil. Oleh yang demikian, kertas penyelidikan ini menyimpulkan bahawa

perkembangan penggunaan teknologi maklumat di Mahkamah Syariah sentiasa berkembang dari aspek penggunaan, perwujudan arahan amalan dan pelaksanaan di peringkat Mahkamah Syariah negeri-negeri. Perkara ini adalah untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah di Malaysia dapat dilaksanakan secara komprehensif dan efisien.

RUJUKAN

Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 “*Kod Pendaftaran Kes*”.

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2021 “*Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Mal di Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh*”.

Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013 “*Penggunaan Aplikasi E-Bicara oleh Hakim Syarie*”.

BH Online. “Kerajaan komited perkara Mahkamah Syariah” 13 Februari 2019, dicapai pada 7 Disember 2020.

Claire Lim & Rachel Gong (2020). Artificial Intelligence in the Courts: AI sentencing in Sabah and Sarawak. Khazanah Research Institute (KRI).; http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/200821%20AI%20in%20the%20Courts%20v3_02092020.pdf

Claudius Mitchell Hamarah and Fitri Suraya Mohamad (2020). “Mathematical Cognition and Big Data Analytics: Are Sarawak Teachers Ready?”, *Journal of Cognitive Sciences and Human Development*, vol. 6, no.1, 1-8.

Fahmi Zaidi Bin Abdul Razak, Azlina Abu Bakar & Wan Salihin Wong Abdullah (2017). “How Perceived Effort Expectancy and Social Influence Affects The Continuance Of Intention To Use e-Government: A study of a Malaysian Government Service”, *Electronic Government, An International Journal*, vol. 13, no. 1, 69-80.

Gan Chee Keong (2017). “Judicial Reforms through the Use of Technology in Malaysia”, *European Academic Research*, vol. v, no. 1, 399-409.

Haniff Zainal Abidin (2006). *E-Government Implementation in Malaysia: a Comparison Of Malaysia's And Korea's e-Government*. Thesis Master in Public Policy at KDI School of Public Policy and Management, Cheongyang Seoul Korea.

- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (2005). Pekeliling Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bilangan 2 Tahun 2005. “Garis Panduan Bagi Penggunaan Modul dan Kemudahan Peguam Dalam Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) e-Syariah” berkuatkuasa pada 19 Oktober 2005.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (2018), *Kertas Makluman Pelaksanaan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2018*. JKSM.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (2021). Kenyataan Media bertarikh 23 Jun 2021 “Maklumbalas Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Terhadap Artikel Bertajuk Martabat Mahkamah Syariah oleh Dato’ Zainul Rijalbin Abu Bakar, Sinar Harian 21 Jun 2021”. Unit Komunikasi Korporat JKSM: Putrajaya.
- Jabatan Kehakiman Syariah Perak, “Permohonan Pendaftaran Perceraian atau Cerai dengan Persetujuan Bersama (Orang Islam Sahaja)”, dicapai pada 1 Disember 2020.; <http://mysolve.perak.my/>
- Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (2019). “DGC Paper No. 2018/02/02” dibentangkan di Wisma Bapa di hadapan Setiausaha Kerajaan negeri Sarawak pada 14 Mac 2019.
- Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. “Pembentangan Modules Breakdown for RMK-11 (2019-2020)” pada 29 April 2020 di Wisma Bapa Malaysia Sarawak
- Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. “Pembentangan Modules Breakdown for RMK-12” pada 27 November 2020 di Sibu Sarawak.
- Kamal Halili Hassan & Maizatul Farisah Mokhtar (2011). “The e-Court System In Malaysia”. (*International Conference on Education and Management Technology*), 240-244.
- Khidmat Bantuan Bahagian Sokongan Keluarga. Portal MyGovernment, dicapai pada 1 Disember 2020.; <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/28866?language=my>
- Koleksi Ucapan Dato’ Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad. 7 Februari 2003, Hotel Marriot, Putrajaya “Majlis Pelancaran e-Syariah”; dicapai pada 1 Disember 2020 melalui laman web <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=304>
- Laman E-Locator JAKESS, dicapai pada 7 Disember 2020.; <http://elocator.jakess.gov.my/>

- Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah “Garis Panduan Perbicaraan Kes-Kes Syariah Bagi Mahkamah Syariah Negeri Sabah Semasa Tempoh PKP 2.0 Mulai 28 Januari 2021”. Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, dicapai pada 6 Julai 2021; <http://sabah.jksm.gov.my/wp-content/uploads/garis-panduan-perbicaraan-atas-talian-Mulai-28-Jan-2021-1.pdf>
- Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, “*Notis Pemberitahuan Operasi Mahkamah Syariah Negeri Sembilan Dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa Pertama Berkuat kuasa Mulai 1 Julai 2021*” dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar JKSNNS bertarikh 29 Jun 2021. Laman Sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, dicapai pada 6 Julai 2021.; <https://jksns.ns.gov.my/images/pdf/Notis-PPN-Fasa-1.pdf>
- Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, “Perbicaraan Atas Talian (Bicara Online) 13 Mei 2020”. Laman Sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, dicapai pada 6 Julai 2021. https://jksns.ns.gov.my/images/BeritaTerkini/2020/0305_BICARAONLINE.pdf
- Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, “Perbicaraan Atas Talian (Bicara Online) 1 Jun 2020”. Laman Sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, dicapai pada 6 Julai 2021.; https://jksns.ns.gov.my/images/BeritaTerkini/2020/0106_SFBBicaraOnline.pdf
- Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, “Pengenalan E-Syariah” ditulis pada 8 September 2008, dicapai pada 1 Mei 2021.; <http://jksnpp.penang.gov.my/index.php/2015-04-24-07-46-02/e-syariah/47-pengenalan-e-syariah>
- Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, “Projek E-Siap Raih Anugerah Emas Di Mini Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara”, laman sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, dicapai pada 6 Julai 2021.; <http://jksnpp.penang.gov.my/index.php/en/20-berita/221-projek-e-siap-raih-anugerah-emas-di-mini-konvensyen-team-excellence-wilayah-utara>
- Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, “e-Date”, laman sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, dicapai pada 6 Julai 2021.; <https://www.picktime.com/JKSNPP>

- Laman Web Rasmi Mahkamah Syariah Negeri Melaka, “*Promotion Workshop for awareness, usage and E-Syariah System implementation, JKSM*” dilaksanakan pada 20 Jun 2012. Laman Web Rasmi Mahkamah Syariah Negeri Melaka, diakses pada 5 Julai 2021.; <https://www.mahsyariahmelaka.gov.my/index.php/en/e-arkib/arkib/144-msnm-news/409-promotion-workshop-for-awareness-usage-and-e-syariah-system-implementation-jksm>
- Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2017.
- Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2018.
- N Norshita, B.Z Halimah, T.S Tengku Mohammad (2010). “Public User Assessment of Malaysia’s E-Government Applications”, *World Academy of Science, Engineering and Technology*, vol. 43, 813-817.
- Mohd. Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Nursafra Mohd. Zhaffar dan Sirajuddin Suhaimee (2021). “Impak pandemik COVID-19 terhadap penyeragaman dan penyelarasan fatwa di Malaysia,” *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol.33 no. 2, 269–286.
- Mornizan Yahya, Feridah Nadzar & Baharom Abdul Rahman (2012). “Examining User Acceptance of e-Syariah Portal Among Syariah Users in Malaysia,” *Journal Social and Behavioral Sciences*, no. 67, 349-359.
- Muhd Rosydi Muhammad (2009). “Antecedents of IT Alignment in Public Sector: Case of e-Syariah Implementation in Malaysia”. *UK Academy for Information Systems Conference Proceedings 2009*, 1-11.
- Muhd Rosydi Muhammad (2013). “Managing the Implementation of E-Government in Malaysia: A Case of E-Syariah”, *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, vol. 7, no. 8, 92-99.
- New Sarawak Tribune. “State Syariah Dept first to adopt i-Syariah” 6 Julai 2020, dicapai pada 2 disember 2020.; <https://www.newsarawaktribune.com.my/state-syariah-dept-first-to-adopt-i-syariah/>.
- Noore Alam Siddiquee. (2007). “Public Service Innovations, Policy Transfer and Governance in The Asia-Pacific region: The Malaysian Experience”, *JOAAG*, vol. 2. no. 1, 81-91.
- Nor’Adha Abdul Hamid, Siti Noor Ahmad, Mohamad Hafifi Hassim, Norazla Ab Wahab & Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz (2019). “Judgement with Consent: Analysis of Sulh Innovation”, *International Journal of Law, Government and Communication*, vol. 4, no. 17, 109.

- Norazah Mohd Suki & T. Ramayah (2010). "User Acceptance of the E-Government Services in Malaysia: Structural Equation Modelling Approach", *Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge, and Management*, vol. 5, 395-413.
- Norazlin Binti Azahar (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat), dalam temubual atas talian melalui Aplikasi Whatsapp pada 24 Jun 2021.
- Nor Azihan Md. Ghazali (2021), "Selangor jadi negeri pertama jalankan prosiding bicara syariah online", *KOSMO*. 15 Januari 2021.; <https://www.kosmo.com.my/2021/01/15/selangor-jadi-negeri-pertama-jalankan-prosiding-bicara-syariah-online/>
- Norlida Ramly, Mohd, Fuaad Said, Choo Wei Chong, Suhaimi Ab. Rahman. (2015). "Analyzing Factors that Affect e-Syariah Adoption by Shar'ie Lawyers," *Jurnal Pengurusan*, no. 43, 89-96.
- Normi Abdul Malek (2016). "The Family Institution and Its Governing Laws In Malaysia As a Vanguard In Protecting The Society From Social Ailments: a Shari'Ah Perspective", *IUM Law Journal*, vol. 24, no. 2, 397-413.
- Norshidah Mohamed, Husnayati Hussin and Ramlah Hussein (2009). "Measuring Users' Satisfaction with Malaysia's Electronic Government Systems", *Electronic Journal of e-Government*, vol. 7 no. 3, 283 -294.
- Norshita Mat Nayan, Halimah Badioze Zaman & Tengku Mohd Tengku Sembok (2011). "Measurement Model to Evaluate Success of E-Government Applications through Visual Relationship". (*Visual Informatics: Sustaining Research and Innovations, Second International Visual Informatics Conference, IVIC 2011*), 295-304.
- Nurul Aiqa Mohamad Zain, Wan Satirah Wan Mohamad Saman, Saiful Farik Mat Yatin, Abdul Rahman Ahmad, Norshila Saifuddin, Wan Nor Haliza Wan Mokhtar & Nik Nurul Emyliana Nik Ramlee (2018). "Developing Legal Framework for E-Court in Judicial Delivery", *International Journal of Engineering & Technology*, vol. 7, no. 3.7, 202-205.
- Opening Address and Official Launching of IDECS 2020. "Data and Innovation in Accelerating Social and Economic Prosperity", By YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg (Chief Minister of Sarawak) 7 October 2020 at Borneo Convention Centre Kuching (BCCK).; official website office of the chief minister of sarawak.; https://cm.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?mod=speeches&sub=speeches_view&menu_id=&sub_id=&nid=79

- Portal Hub Inovasi Sektor Awam MAMPU, “Penambahbaikan Pengeluaran Perintah Kes Sulh Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (e-F.O.S [Electronic Fast. Order. Sulh])”, laman sesawang Hub Inovasi Sektor Awam MAMPU, dicapai pada 6 Julai 2021.; http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan_inovasi/2424-projek-kik-mwsp-2016.pdf
- Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. “*Kursus Penggunaan Sistem e-Syariah (Modul e-Bicara) kepada Hakim Syarie JKSS*” dilaksanakan pada 5 Ogos 2015. Laman Sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, dicapai pada 1 Disember 2020. ; https://syariah.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?lang=en&mod=photo_gallery&sub=photo_listing&menu_id=&sub_id=&alb=27
- Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. “*Bengkel Key Focus Activity (KFA) Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Tahun 2020*”, Bengkel KFA dilakukan di Damai Beach Resort Sarawak, dicapai pada 1 Julai 2020.; https://syariah.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?mod=photo_gallery&sub=photo_listing&menu_id=0&sub_id=272&alb=99
- Portal Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. “E-Bicara”, laman sesawang laman sesawang *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, dicapai 20 Februari 2019,; <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/e-syariah/275-e-bicara>
- Portal The High Court Of Sabah And Sarawak. “*Launching Of The High Court Of Sabah And Sarawak Website In Kuching, Sarawak*”, dicapai pada 2 Disember 2020.; https://judiciary.kehakiman.gov.my/portals/web/home/article_view/0/460//1
- Ramizah Wan Muhammad & Khairunnasriah Abdul Salam (2019). “Kejayaan Modal Insan Dan Inovasi Dalam Pentadbiran Mahkamah Syariah: Membina Model Antarabangsa”, *Jurnal Syariah*, vol. 27, no, 1, 27-44.
- Razlini Mohd Ramli (2017). “e-Government Implementation Challenges In Malaysia And South Korea: a Comparative Study”, *The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries*, vol. 80, no. 7, 1-26.
- Rohana Husin Rohaizah Saad & Zakirah Othman (2017). “E-Kerajaan: Tinjauan dan Perlaksanaannya di Malaysia”, *Journal of Technology and Operations Management*, vol. 12, no. 2, 7–14.
- Roslina Che Soh@Yusoff, Nurhidayah Muhammad Hashim & Mohd. Na'im Mokhtar (2017). “Bahagian Sokongan Keluarga Membantu Anak Selepas Perceraian: Keberkesanan, Cabaran dan Perbandingan dengan Amalan Negara Maju”, *KANUN*, vol. 29, no. 2, 60-89.

- Syahrul Nizam Junaini & Nadianatra Musa (2007). "Success Of e-Government Initiative In Sarawak". *Public Sector Ict Management Review*, January 2007, 46-50.
- Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi JAKESS (2012). *Pelan Strategik ICT Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) 2011-2015*. UTMK JAKESS: Selangor.
- Utusan Borneo Online. "Pengenalan sistem i-Syariah mantapkan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak", dicapai pada 6 Julai 2020.; <https://www.utusanborneo.com.my/2020/07/06/pengenalan-sistem-i-syariah-mantapkan-jabatan-kehakiman-syariah-sarawak>
- Wan Satirah Wan Mohd Saman & Abrar Haider (2012). "Electronic Court Records Management: A Case Study", *Journal of e-Government Studies and Best Practices*, vol. 2012, 1-11.
- Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang (2022). "Transformasi Teknologi Elektronik Melalui Aplikasi Sistem e-Syariah dan i-Syariah dalam Sistem Pengurusan Mahkamah Syariah Malaysia," *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 34, no. 1, 45-74.